

28/03/2003

Empat akhlak Rasulullah menuju kecemerlangan

Dandarawi S

RASULULLAH saw dengan tegas menyatakan "sungguh pasti bahawa saya diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia", yang menggambarkan bahawa, inti pati agama ialah kemuliaan akhlak.

Allah pula berfirman, Rasulullah itu `berdiri di atas akhlak yang agung.' Sebagai model akhlak agung, baginda telah mendidik generasi sahabat supaya mengamalkan akhlak mulia menerusi empat asas.

Pertama, sifat benar pada kata-kata, janji dan persetiaan.

Saidina Abu Bakar, selepas menerima Islam, berjanji untuk taat setia kepada Rasulullah dan ini terbukti apabila beliau mempertahankan kebenaran israq Nabi ke Baitulmaqdis dan mikraj baginda bertemu Allah, menyebabkan beliau (Abu Bakar) dipukul oleh musyrikin Makkah sehingga berdarah dan jatuh pengsan. Demi janjinya kepada Rasulullah, beliau sanggup meninggalkan kekayaan dan kesenangan di Makkah kerana menemani Rasulullah berlindung di Gua Thur dan menempuhi kepayahan perjalanan ketika hijrah ke Madinah.

Kebenaran kata-kata dan kesetiaan Saidina Abu Bakar kepada Rasulullah, dirakamkan oleh Allah di dalam al-Quran melalui ayat `tetap setia berdua sewaktu keduanya di dalam gua dan baginda menenangkan sahabatnya dengan berkata, janganlah bersedih, sesungguhnya Allah bersama-sama dengan kita.'

Saidina Abu Bakar digelar oleh Rasulullah sebagai As-Siddiq iaitu yang sangat benar. Beliau sentiasa setia di samping Rasulullah, membenarkan kata-kata baginda dan menangkis tohmahan terhadap Rasulullah. Apabila beliau meninggal dunia, beliau dimakamkan di samping baginda.

Kedua, sifat amanah dalam keadaan nyata dan rahsia. Gelaran Al-Faruk yang diberikan oleh Rasulullah kepada Saidina Omar Al-Khattab ialah kerana sifat amanah beliau dalam membezakan yang benar dan yang salah. Sifat beliau diwarisi oleh cucu dan cicitnya, termasuk Saidina Omar bin Abdul Aziz, yang terkenal dengan kisah bagaimana beliau pada malam hari akan memasang pelita kerajaan sewaktu mempunyai urusan kerajaan dengan rakyat dan akan segera memadam pelita itu lalu menyalakan pelita peribadi apabila topik perbincangan bertukar kepada topik peribadi.

Ketiga, sifat malu kepada keluarga dan masyarakat. Malu bukan bererti menyembunyikan diri tetapi bermaksud sopan dan santun serta menjaga tatasusila pergaulan. Jika kita melihat kepada sahsiah Saidina Uthman bin Affan yang dididik Rasulullah, kita akan mendapati bahawa walaupun beliau tegas, namun tutur kata dan bicara beliau begitu lembut. Diriwayatkan bahawa beliau tidak akan berludah jika dilihat orang semata-mata kerana bimbang orang itu akan berkecil hati. Rasulullah sendiri akan segera menutup lutut baginda sekiranya didatangi Saidina Uthman, walaupun sebelum itu, baginda membiarkannya terbuka ketika bersama Saidina Abu Bakar dan Saidina Omar.

Keempat, sifat berani. Berani bukan bermaksud berani membuta-tuli atau pantang dicabar, sebaliknya ia bermaksud berani mempertahankan prinsip yang benar serta berani mengaku dan memperbaiki kesalahan diri. Contoh keberanian terpuji ialah tindakan Saidina Ali Abi Thalib yang hampir dibunuh ketika tidur di katil Rasulullah sewaktu diserbu pada mala m baginda berhijrah bersama Saidina Abu Bakar. Di dalam al-Quraan, ada digambarkan sikap berani Saidina Ali yang sedia berkorban harta benda untuk orang lain, walaupun beliau sendiri memerlukannya.

Pepatah Melayu ada menyebut `siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri'. Hakikatnya, apabila sesuatu generasi dididik

dengan sifat bohong, menipu dan tidak setia, maka akan lahir masyarakat hipokrit, lemah dan kacau.

Sifat hipokrit dan khianat ini boleh meruntuhkan sesuatu institusi, syarikat dan juga negara. Rasulullah ada menyatakan bahawa tidak dikira beragama orang yang tidak amanah. Di dalam hadis lain, baginda menerangkan ciri-ciri orang munafik, iaitu apabila berkata dia berbohong, apabila diberi amanah dia khianat, dan apabila dia berjanji dia tidak menepatinya.

Merujuk kepada sifat malu, Rasulullah secara sinis menyatakan, 'sekiranya kamu tidak tahu malu, buatlah apa yang kamu suka'. Masyarakat kita dulunya terkenal dengan sifat sopan santun, lemah lembut dan anak-anak gadisnya yang pemalu. Kita khawatir dengan pengaruh budaya asing, anak-anak kita akan hilang sifat segan silu dan hormat kepada keluarga dan masyarakat.

Mengenai keberanian, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bolehlah dibuat contoh sebagai seorang yang berani mengakui kelemahan bangsanya apabila beliau menulis buku 'Malay Dilemma' serta dengan berani melakukan pembaharuan, mengubah dasar kerajaan, menukar cara masyarakat berfikir dan mengubah pandangan dunia terhadap kita.

Sekiranya umat Islam tidak berani, termasuk mencontohi keberanian Perdana Menteri, sudah tentu harapan Rasulullah melihat umat baginda berakhlak mulia, tidak akan tercapai. Kerana itu, buanglah sifat pengecut kerana tiada tempat bagi si pengecut, walaupun di pinggir dunia.